



KARATE DO

1. Undang – Undang Permainan

- 1.1. Selain daripada peraturan – peraturan yang terkandung , pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang – undang ‘ World Karate Federation’ (WKF).
- 1.2. Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi penafsirannya, maka undang – undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3. Kejadian diluar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan atau undang – undang berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 1.3.1. Semua kejadian akan diputuskan berasaskan kepada Peraturan Am MASUM.
- 1.4. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Undang – Undang ‘World Karate Federation’ (WKF).

2. Peraturan Pertandingan

Mengikut Undang – Undang dan Peraturan Am Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

3. Jenis Pertandingan

- 3.1. Kejohanan Terbuka Antara Pelajar Universiti – Universiti Awam Malaysia dan Universiti Jemputan MASUM.

4. Pendaftaran Peserta/Pembentukan Pasukan

4.1. Setiap universiti @ pasukan hanya boleh mendaftar satu pasukan sahaja yang terdiri daripada :

	Lelaki	Wanita
Pengurus Pasukan	1	-
Jurulatih	1	1
Peserta	<u>13</u>	<u>10</u>
	15	11

4.2. Acara Individu

4.2.1. Acara Kata Individu (Lelaki & Wanita):

Setiap pasukan dibenarkan mendaftar SEORANG sahaja peserta lelaki dan seorang peserta wanita di dalam setiap KATEGORI yang dipertandingkan.

4.2.2. Acara Kumite Individu (Lelaki & Wanita):

Setiap pasukan dibenarkan mendaftar seorang SAHAJA peserta lelaki dan seorang peserta wanita di dalam setiap KATEGORI yang dipertandingkan.

4.3. Acara Berpasukan :

4.3.1. Acara KUMITE Berpasukan:

- 4.3.1.1. Satu pasukan Lelaki hendaklah mengandungi sekurang – kurang LIMA (5) orang dan selebihnya TUJUH (7) peserta.
- 4.3.1.2 Satu pasukan Wanita hendaklah mengandungi sekurang–kurang TIGA (3) orang dan selebihnya EMPAT (4) peserta.
- 4.3.1.3 Peserta-peserta dalam acara Kumite Berpasukan hanya dibenarkan dikalangan peserta yang didaftarkan di dalam acara Kumite Individu sahaja.

4.3.2 Acara KATA Berpasukan (Lelaki & Wanita):

Satu pasukan Lelaki dan satu pasukan wanita hendaklah mengandungi TIGA (3) orang peserta.

- 4.4. Borang Pendaftaran Peserta hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum kejohanan bermula.
- 4.5. Sebarang pertukaran peserta hendaklah dibuat di dalam mesyuarat pengurus – pengurus pasukan.
- 4.6. Proses undian akan diadakan mengikut turutan abjad tertakluk kepada senarai akhir di dalam Borang Pendaftaran Pasukan.

5. Sistem Pertandingan

- 5.1. Pertandingan bagi acara Individu Kata dan Kumite akan dijalankan mengikut sistem 'Single Knock-out'. Peserta yang gagal ke peringkat akhir iaitu kalah di peringkat Separuh Akhir ke dua-dua peserta ini secara automatik mendapat tempat ke tiga.
- 5.2. Pertandingan bagi acara Berpasukan Kata dan Kumite akan dijalankan mengikut sistem 'Single Knock-out Repechage'. Pasukan yang gagal ke peringkat akhir iaitu kalah di peringkat Separuh Akhir akan bertanding bagi penentuan tempat ketiga dan keempat.
- 5.3. Masa Pertandingan: Bagi acara Individu KUMITE lelaki adalah 3 minit dan Individu KUMITE wanita adalah 2 minit.

6. Acara – Acara

- 6.1. Proses akhir Pendaftaran Pasukan bagi acara Individu dan Berpasukan – Hari Pertama
- 6.2. Latihan Rasmi Pasukan atau Kontingen - Hari Kedua
- 6.3. Acara Kata Individu, Berpasukan Kata dan Berpasukan Kumite - Hari Ketiga

6.4. Acara Kumite Individu Lelaki Kategori -55kg,-60kg, -65kg & -70kg - Hari Keempat
Acara Kumite Individu Wanita Kategori -48kg & -53kg

6.5. Acara Kumite Individu Lelaki Kategori -75kg, -80kg, +80kg & Terbuka - Hari Kelima
Acara Kumite Individu Lelaki Kategori -60kg, +60kg & Terbuka

7. Timbang Berat

Proses rasmi timbang berat akan diadakan pada setiap hari pertandingan mengikut kategori yang dipertandingkan pada hari tersebut. Sekiranya peserta gagal mengekalkan berat badan di dalam kategorinya, peserta berkenaan secara automatik tersingkir dari menyertai pertandingan ini.

8. Pakaian

Rujuk Undang – Undang WKF (Peraturan Pertandingan Kata dan Kumite (Artikel 2 : Kod Pakaian @ 'Dress Code'), Persekutuan Karate Dunia @ World Karate Federation (WKF) versi 5.5 Madrid Jun 2006)

9. Peralatan Keselamatan

Beberapa peralatan keselamatan yang WAJIB dipakai oleh setiap peserta adalah seperti berikut;

- 9.1. "Mitts" yang diluluskan oleh WKF
(seorang peserta memakai merah & seorang warna Biru)
- 9.2. Pelindung Mulut (Mouth guard)
- 9.3. 'Gum Shield'
- 9.4. Pelindung Dada bagi wanita (Female chest protector)
- 9.5. Pelindung Betis (Shin Pad) yang diluluskan oleh WKF
(seorang peserta memakai merah & seorang warna Biru)
- 9.6. Pelindung kaki (foot protector) yang diluluskan oleh WKF (seorang peserta memakai merah & seorang warna Biru)
- 9.7. Antara peralatan yang berkaitan dengan karate dan tidak dinyatakan hendaklah di rujuk dalam Peraturan Pertandingan Kata dan Kumite (Artikel 2 : Kod Pakaian @ 'Dress Code'), Persekutuan Karate Dunia @ World Karate Federation (WKF) versi 5.5 Madrid Jun 2006

10. Borang Pengesahan Perubatan

- 10.1 Setiap pasukan yang mengambil bahagian adalah digalakkan untuk mengambil dan menguruskan insuran kemalangan, kecacatan anggota dan proses baik pulih untuk peserta.

10.2 Setiap peserta adalah **DIWAJIBKAN** untuk mengisi dan menyerahkan Borang Pengesahan Kesihatan kepada Jawatankuasa Pengelola yang disahkan oleh Pegawai Kesihatan atau Pegawai yang setaraf dengannya sebelum pertandingan bermula.

10.3. Peserta yang gagal untuk mengisi dan menyerahkan Borang Pengesahan Kesihatan yang telah disahkan oleh Pegawai Perubatan atau Pegawai yang setaraf dengannya kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan bermula **TIDAK DIBENARKAN** bertanding.

11. Bantahan

Rujuk Peraturan Am (14) MASUM dan Undang – Undang WKF.

12. Juri Rayuan

Rujuk Peraturan Am (16) MASUM

13. Hadiah –Hadiah

Hadiah – Hadiah akan disediakan seperti berikut:

13.1. Acara Kata & Kumite Individu Lelaki & Wanita

13.1.1. Pertama

13.1.2. Kedua

13.1.3. 2 pemenang bagi tempat Ketiga

13.2. Acara Kata Berpasukan Lelaki & Wanita (3 orang sepasukan)

13.2.1. Pertama

13.2.2. Kedua

13.2.3. Ketiga

13.3. Acara Kumite Berpasukan Lelaki (7 orang sepasukan)

& Acara Kumite Berpasukan Wanita (4 orang sepasukan)

13.3.1. Pertama

13.3.2. Kedua

13.3.3. Ketiga

14. Perkara Yang Tidak Dinyatakan

Rujuk Peraturan Am (22) MASUM.